

12 DEC 2002

Dasar-Jepun/I

M'SIA TIDAK AKAN BERPALING DARI JEPUN DALAM DASAR PANDANG KE TIMUR

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

TOKYO, 12 Dis (Bernama) -- Malaysia tidak akan berpaling dari Jepun dalam Dasar Pandang Ke Timur yang dilaksanakannya walaupun ia kini memberi lebih tumpuan pada Korea Selatan dan China.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi Institut Strategi dan Kajian Antarabangsa Malaysia (Isis) Tan Sri Dr Noordin Sopiee berkata Malaysia akan terus mencontohi Jepun kerana masih banyak perkara yang perlu dipelajari dari negara itu.

"Malaysia kini memberi lebih tumpuan pada Korea Selatan dan China, tetapi ini tidak bermakna kita berpaling dari Jepun.

"Ia bermakna menghabiskan lebih banyak masa untuk memahami apa yang kita boleh belajar dari Korea Selatan dan China. Kita hanya baru memulakan perjalanan intelektual kita dengan belajar dari Jepun," katanya pada panel perbincangan sempena ulangtahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucap tama pada seminar itu.

Pada perbincangan itu, Prof Toshio Watanabe dari Universiti Takushoku berkata kedudukan Jepun dalam Dasar Pandang Ke Timur semakin menurun.

Beliau berkata selepas menyaksikan dekad terakhir ekonomi Jepun pada 1990-an, pandangan Dr Mahathir terhadap dasar itu sudah berubah.

Malaysia, katanya kini lebih menumpukan pada Korea Selatan dan China di bawah Dasar Pandang Ke Timur.

Menjelaskan perkara yang telah dipelajari dari Jepun di bawah dasar itu, Dr Noordin berkata ia termasuk idea yang telah digunakan oleh Malaysia dalam perancangan Wawasan 2020 dalam menjadikan negara sebagai sebuah negara maju.

Wawasan itu, katanya diilhamkan oleh pakar Jepun yang terlibat dalam perancangan pendapatan berganda Jepun.

"Wawasan 2020 sebenarnya adalah perancangan menggandakan pendapatan, iaitu selepas 30 tahun, setiap 10 tahun anda gandakan (pendapatan) supaya pada akhir 30 tahun, anda lapan kali lebih kaya daripada kedudukan anda pada tahun pertama," katanya.

Satu lagi pelajaran yang Malaysia telah pelajari buat pertama kalinya ialah bahawa ia memahami bahawa pemodenan bukan bermakna kebaratan.

"Dengan mencontohi Jepun, kita memahami bahawa terdapat lebih daripada satu cara untuk pemodenan dan ia merupakan pelajaran yang amat penting bagi kebanyakan kita iaitu kita perlukan pemodenan, kita perlu maju tetapi berasaskan nilai-nilai kita," katanya.

Dr Noordin berkata Jepun bukan sebuah negara barat dan ia telah membuktikan kepada dunia bahawa ia boleh menjadi sebuah negara maju mengikut cara sendiri.

"Dasar Pandang Ke Timur, tanpa diragui, telah berjaya. Saya fikir ia dimanfaatkan oleh lebih 6,600 orang yang dilatih di Jepun di bawah dasar itu.

"Jika anda datang ke Malaysia, anda akan dapat lihat bahawa kami sudah jauh berbeza daripada keadaan kami 20 tahun lepas.

"Dua puluh tahun lepas, ekonomi kami adalah berasaskan pertanian dan petroleum. Hari ini, Malaysia merupakan negara perindustrian ketiga terbesar di dunia," katanya.

Pengerusi Isis itu berkata walaupun kedudukan itu tidak begitu baik kerana kekayaan sebenar datang daripada ekonomi perindustrian lanjutan,

Malaysia telah separuh jalan ke arah itu.

Dr Noordin berkata Malaysia juga baru-baru ini telah merumuskan pelan induk ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) mengikut cara Jepun dalam mengendalikan sesuatu perkara -- pendekatan dari bawah ke atasan.

Selama beratus-ratus tahun, orang hanya tahu iaitu cara terbaik untuk merancang ialah dengan mengumpulkan para cendekiawan dalam sebuah bilik dan kemudian mengarahkan mereka bekerja keras supaya mereka boleh menghasilkan perancangan cemerlang, kemukakan kepada kerajaan dan kemudian menjualnya kepada rakyat, katanya.

"Apa yang kita belajar dari orang Jepun ialah ada cara lain untuk melakukannya.

"Dalam menjayakan pelan induk k-ekonomi, kita tumpu pada rakyat terlebih dahulu, walaupun kita tahu apa yang kita mahu cadangkan dan apa yang kita mahu lakukan, ia dibawa kepada rakyat dan terdapat kempen di setiap negeri di negara, supaya sebaik sahaja kerajaan mengguna pakai perancangan itu, kita tidak perlu lagi menjualnya," katanya.

-- BERNAMA

AFY RHM